

ANALISIS KO-INTEGRASI PERBELANJAN AWAM
DAN HASIL CIKMA: KEMAH KES MALAYSIA

SYAFIEZA BINTI CHE MD
UK 8059

JABATAN EKONOMI
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA

2006

CN: 3210

1100044389

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LP 42 FPE 1 2006



1100044389

Analisis ko-integrasi perbelanjaan awam dan hasil cukai : Kajian
kes Malaysia / Syahieda Che Mid.



PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100044389

1100044389		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**ANALISIS KO-INTEGRASI PERBELANJAAN AWAM
DAN HASIL CUKAI: KAJIAN KES MALAYSIA**

**SYAHIEDA BINTI CHE MID
UK 8150**

**JABATAN EKONOMI
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA**

2006

1100044389

**ANALISIS KO-INTEGRASI PERBELANJAAN AWAM
DAN HASIL CUKAI: KAJIAN KES MALAYSIA**

**Oleh
SYAHIEDA BINTI CHE MID**

Laporan projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan
untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi
(Sumber Alam)

**JABATAN EKONOMI
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA**

2006

PENAKUAN

Saya akui kertas projek (EKN 4998/9) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya melalui senarai rujukan yang telah dilampirkan.

1 April 2006


.....
SYAHIEDA BINTI CHE MID
UK 8150

DECLARATION

I hereby declare that this project paper (EKN 4998/9) is the result of my own investigation and findings, except where otherwise stated other sources are acknowledge by giving explicit references is appended.

1st April 2006


.....
SYAHIEDA BINTI CHE MID
UK 8150

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Ilahi kerana berkat segala limpah dan kurnianya dapat juga saya menyiapkan laporan ini dengan jayanya. Saya memerlukan komitmen yang tinggi untuk memenuhi keperluan program ini memandangkan laporan kajian ini merupakan satu keperluan sebagai syarat bergraduasi.

Sekalung budi sejangka kasih saya tujukan khas kepada penyelia, **Encik Nanthakumar a/l Loganathan** kerana telah banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar dalam usaha untuk menyiapkan laporan kajian ini. Sekalung penghargaan juga buat semua pihak yang terlibat dalam penyediaan projek ini secara langsung dan juga secara tidak langsung. Sesungguhnya segala nasihat dan tunjuk ajar semua pihak akan saya gunakan sebagai rujukan dan panduan dalam meniti liku-liku cabaran kehidupan yang mendatang.

Sekalung aspirasi saya persembahkan kepada ibu bapa saya iaitu Encik Che Mid Bin Ismail, Puan Darisah Bt. Hj. Dahari serta Puan Soleha Bt. Abu Bakar kerana dengan berkat dorongan dan sokongan mereka yang berterusan dan membina semangat saya untuk menamatkan pengajian serta kajian yang dilakukan. Akhir sekali, ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya di KUSTEM yang banyak membantu saya di sepanjang pengajian dan juga kajian ini. Segala kenangan manis dan pengalaman kita bersama akan saya tanyakan di dalam kenangan saya untuk selamanya.

Sekian.

Syahieda Binti Che Mid
Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)
syahieda_syana@yahoo.com

ANALISIS KOINTEGRASI PERBELANJAAN AWAM DAN HASIL CUKAI: KAJIAN KES MALAYSIA

ABSTRAK

Perbelanjaan kerajaan dan hasil cukai merupakan penentu penting di dalam pertumbuhan ekonomi. Di Malaysia, kerajaan persekutuan menggunakan dasar fiskal untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dengan lebih komprehensif, efisien, dan efektif. Oleh itu, kajian ini menyelidik bukti untuk ko-integrasi dan sebab akibat di antara hasil cukai dengan perbelanjaan kerajaan di Malaysia dan menggunakan ko-integrasi serta ujian-F untuk mengkaji penyebab-Granger. Hasil keputusan emperikal menunjukkan hasil cukai dan perbelanjaan kerajaan mempunyai hubungan dengan KDNK pada tahap tertentu, tetapi hasil cukai dan perbelanjaan kerajaan tidak mempunyai hubungan di antara sesama sendiri.

Kata kunci: KDNK, hasil cukai, pertumbuhan ekonomi, perbelanjaan kerajaan

ABSTRACT

Government spending and tax revenue has been an important determine in economic growth. In Malaysia, the federal government has used fiscal policies to encourage economic growth towards a more comprehensive, efficiency, and effective. Therefore, this study investigate evidence for cointegration and causality between tax revenue and government spending for Malaysia and use the recently developed bounds testing approach to cointegration and the conventional *F*-test to examine Granger causality. The empirical results suggest that tax revenue and government spending has a certain level of the relationship with GDP, while tax revenue and government spending don't have relationship with each other.

Key-words: tax revenue, government spending, GDP, economic growth

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
SENARAI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI KEPENDEKAN	ix
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Usaha Kondolidasi Fiskal	3
1.2.1 Hasil Kutipan Cukai	
1.2.2 Perbelanjaan Awam	
1.3 Permasalahan Kajian	9
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Skop dan Metodologi Kajian	13
1.6 Kesimpulan	13
BAB 2 MOMENTUM PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA	
2.1 Pendahuluan	15
2.2 Perbelanjaan Awam Dan Hasil Cukai Malaysia	17
2.2.1 Perbelanjaan Awam Dan Hasil Cukai Pemangkin Sebagai Pemacu Pertumbuhan Ekonomi Malaysia	
2.3 Sorotan Kajian Lepas	37
2.4 Kesimpulan	40

BAB 3 DATA, TEORI DAN SPESIFIKASI MODEL

3.1	Pendahuluan	41
3.2	Data Dan Set Model Kajian	42
3.3	Teori Dan Spesifikasi Model Kajian	43
3.3.1	Korelasi	
3.3.2	Integrasi	
	a) Ujian Punca Unit	
	b) Ujian Ko-Integrasi	
	c) Ujian Sebab-Akibab Granger	
3.3	Kesimpulan	50

BAB 4 HASIL KEPUTUSAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	51
4.2	Analisis Keputusan Regresi Linear	52
4.3	Ujian Korelasi	54
4.4	Kepegunan Data Kajian	55
4.5	Ujian Ko-Integrasi	56
4.6	Ujian Sebab-Akibat Granger	57
4.7	Kesimpulan	59

BAB 5 IMPLIKASI DASAR DAN RUMUSAN KAJIAN

5.1	Pendahuluan	60
5.2	Rumusan Hasil Kajian	61
5.3	Cadangan Dan Implikasi Dasar Kajian	65
5.4	Kesimpulan	67

SENARAI RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
2.1	Kadar Pertumbuhan KDNK Benar bagi Negara ASEAN Terpilih, 2001-2005	23
2.2	Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan, 2002-2003	24
2.3	Hasil Kerajaan Persekutuan, 2002-2003	25
2.4	Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan-Mengikut Sektor, 2001-2005	26
2.5	Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan-Mengikut Objek, 2001-2005	27
2.6	Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan, 2001-2005	28
2.7	Hasil Kerajaan Persekutuan, 2001-2005	31
4.1	Jadual Plot Residual	53
4.2	Keputusan Ujian Korelasi	55
4.3	Keputusan Ujian Punca Unit	56
4.4	Keputusan Ujian Jejak	57
4.5	Keputusan Ujian Nilai Maksimum-Eigen	57
4.6	Keputusan Ujian Sebab-Akibat Granger	58

SENARAI RAJAH

No.Rajah		Halaman
2.1	Kadar Pertumbuhan KDNK, 1970-2004	21
2.2	Sumbangan Perbelanjaan Awam Kepada Kadar Pertumbuhan KDNK, 1971-2004	22
2.3	Komponen Utama Hasil Kerajaan Persekutuan, 2000-2005	32
2.4	Belanjawan Kerajaan Persekutuan 2005 (Hasil)	35
2.5	Belanjawan Kerajaan Persekutuan 2005 (Perbelanjaan)	36

SENARAI KEPENDEKAN

AFTA	Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN
ASEAN	Kesatuan Negara-negara Asia Tenggara
BNM	Bank Negara Malaysia
DEB	Dasar Ekonomi Baru
E-Views	Econometric Views
GST	Goods and Services Tax
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
JHDN	Jabatan Hasil Dalam Negeri
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
PABK	Perusahaan Awam Bukan Kerajaan
PETRONAS	Petroleum Nasional Berhad
SARS	Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk
SPNB	Syarikat Perumahan Negara Berhad
VAR	Vektor Auto-Regresi

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pertumbuhan ekonomi negara telah merangsang dengan pesatnya dengan pelaksanaan usaha konsolidasi setelah berlakunya kemelesetan ekonomi dan kini negara Malaysia telah berada di landasan yang kukuh untuk mencapai taraf sebuah negara maju. Di samping itu, persekitaran luar seperti pertumbuhan prestasi yang tinggi oleh negara China dan India dalam memberangsangkan pertumbuhan ekonomi dunia adalah antara faktor yang telah melonjakkan pertumbuhan ekonomi Malaysia kepada 7.6 peratus pada suku pertama 2004 dan 8 peratus pada suku kedua. Pertumbuhan tersebut merupakan antara yang tertinggi di rantau ini dan ianya dijangka berterusan sehingga akhir tahun 2004.

Pertumbuhan ekonomi negara, sebahagian besarnya dipengaruhi oleh perbelanjaan awam dan hasil kutipan cukai. Perbelanjaan awam terbahagi kepada perbelanjaan pengurusan dan perbelanjaan pembangunan. Cukai merupakan satu alat dalam polisi fiskal. Secara umumnya, cukai dapat diklasifikasikan kepada dua jenis iaitu cukai langsung dan cukai tidak langsung. Agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam hal pemungutan cukai tersebut adalah Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN). Cukai langsung melibatkan individu secara terus seperti cukai pendapatan di mana individu yang bekerja akan dikenakan peratusan cukai ke atas pendapatan yang di perolehnya. Selain itu, pihak firma juga perlu membayar cukai korporat ke atas keuntungan yang di peroleh pada setiap tahun. Cukai tidak langsung pula dikenakan ke atas barangan yang dibeli ke atas perkhidmatan yang diberikan. Cukai-cukai seperti eksport, import, jualan dan juga perkhidmatan merupakan antara cukai tidak langsung yang sering dibayar oleh pengguna.

Di dalam kertas kerja ini telah membincangkan dasar-dasar secara lebih terperinci yang digunakan oleh kerajaan selepas berlakunya krisis kewangan pada tahun 1997. Selain itu, pertumbuhan ekonomi dari segi perbelanjaan kerajaan dan hasil cukai turut dibincangkan di samping permasalahan yang timbul berkaitan dengan perbelanjaan dan hasil cukai.

1.2 Usaha Konsolidasi Fiskal¹

Pertumbuhan ekonomi negara telah meningkat selepas berlakunya kemelesetan ekonomi yang melanda negara pada tahun 1997 dan 1998. Hasil daripada rentetan itulah, maka kerajaan melaksanakan pelbagai usaha dan dasar bagi meningkatnya ekonomi negara. Pada tahun 2001, kerajaan telah melaksanakan dasar fiskal yang lebih ketat dan ianya telah berterusan sehingga tahun 2004. Operasi fiskal ini bertujuan untuk mengurangkan defisit dan juga dapat mengukuhkan persekitaran bagi membolehkan sektor swasta memainkan peranan yang lebih besar dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu, pelaksanaan konsolidasi fiskal ini juga mengambil pendekatan untuk memastikan momentum pertumbuhan yang telah dipupuk sehingga kini tidak terjejas.

Terdapat dua pendekatan dalam usaha konsolidasi fiskal iaitu pertama, memperkenalkan langkah-langkah untuk mempertingkatkan kutipan hasil. Justeru itu, untuk meminimumkan kehilangan hasil dan juga pengelakan cukai, kutipan hasil dan usaha pematuhan cukai dipertingkatkan lagi ke atas beberapa perniagaan dan profesion tertentu. Bagi mencapai pengurusan kewangan yang baik untuk memastikan setiap perbelanjaan mendapat nilai sepenuhnya, maka ianya dijalankan dengan prosedur kerja dipermudahkan serta menyemak semula proses tender dan perolehan lain.

¹ Laporan Belanjawan 2004.

Pendekatan keduanya adalah untuk memastikan kecekapan serta keberkesanan perbelanjaan, khususnya kepada program dan projek yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi yang besar. Ini selaras untuk memenuhi matlamat sosioekonomi negara. Perbelanjaan terbahagi kepada dua iaitu perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Sebahagian besar perbelanjaan mengurus adalah untuk emolument terutamanya kepada para guru, doktor dan jururawat. Ini dapat mencerminkan penekanan ke atas pembangunan sumber manusia bagi mempertingkatkan daya saing negara serta perbelanjaan dan bayaran pindahan yang dapat memberikan faedah kepada golongan miskin dan kurang bemasib baik. Fokus perbelanjaan pembangunan pula adalah untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing ekonomi pada jangka panjang.

1.2.1 Hasil Kutipan Cukai

Pada tahun 2003, defisit telah mencatatkan pada paras 5.3 peratus dan Kerajaan Persekutuan menjangkakan lebih rendah pada tahun 2004 iaitu 4.5 peratus. Hal ini kerana, sebahagian besarnya disumbangkan oleh kutipan hasil cukai dan bukan cukai. Ini termasuklah pembayaran dividen daripada Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS), sekuriti pinjaman perumahan Kerajaan dan penerimaan balik pinjaman daripada Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan yang lebih tinggi. Jumlah kutipan hasil pada tahun 2003 adalah RM92,608 juta dan dianggarkan meningkat pada tahun 2004 iaitu sebanyak RM96,917 juta disebabkan oleh peningkatan pendapatan pelaburan terutamanya penerimaan dividen daripada PETRONAS dan sekuriti pinjaman perumahan. Pada asasnya, sekuriti pinjaman perumahan telah menukarkan pinjaman tersebut kepada sekuriti bersandarkan

aset. Di samping dapat mengurangkan defisit fiskal, sekuriti pinjaman perumahan Kerajaan juga dapat membantu mewujudkan keluk penanda aras kadar pulangan yang baru bagi sekuriti bersandarkan aset. Ini terutamanya sekuriti yang diterbitkan oleh sektor swasta.

Kerajaan telah meneruskan usaha untuk meningkatkan pentadbiran cukai dan keupayaan penguatkuasaan pada sepanjang tahun 2004. Di antara usaha-usaha kerajaan adalah melaksanakan pemeriksaan dan audit cukai untuk memastikan pematuhan yang lebih tinggi dan menghindar kecenderungan daripada mengelak pembayaran cukai. Sebanyak 834,000 fail cukai baru telah dibuka dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini. Selain itu, kerajaan juga melaksanakan anti penyeludupan dan usaha-usaha mengatasi dalam mencegah pengelakan cukai bagi mengurangkan kehilangan hasil serta meningkatkan hasil cukai. Justeru, usaha-usaha mengatasi anti penyeludupan ini dijalankan dengan pelaksanaan pelekat khas atau banderul rokok yang berkuat kuasa semenjak Ogos 2004 telah mengurangkan pengelakan cukai dan juga meningkatkan kutipan hasil cukai secara keseluruhannya. Kerajaan juga telah memasang mesin pengimbas pada pintu-pintu masuk negara ini dalam melaksanakan program anti penyeludupan. Di samping itu, mesin pengimbas ini juga dapat membantu mengesan barangan import terlarang dan meningkatkan kawalan keselamatan.

1.2.2 Perbelanjaan Awam

Pada tahun 2004, belanjawan perbelanjaan lebih ditumpukan kepada sektor yang dapat meningkatkan keupayaan iaitu untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan. Justeru itu, kerajaan telah menumpukan kepada sektor utama seperti pertanian, pembangunan luar bandar, pendidikan dan kesihatan. Kerajaan Persekutuan juga memberi keutamaan kepada projek yang dapat memberi pulangan yang berganda kepada ekonomi negara serta memperuntukkan geran kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan yang bertujuan untuk pembangunan luar bandar dan pengurangan kemiskinan bagi memenuhi tanggungjawab sosial. Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang dianggarkan pada tahun 2004 adalah sebanyak RM122,655 juta iaitu meningkat 7.1 peratus daripada tahun sebelumnya.

Perbelanjaan mengurus pada tahun 2003 adalah sebanyak RM75,224 juta iaitu 9.5 peratus dan dijangkakan meningkat kepada RM91,524 juta iaitu 21.7 peratus. Peningkatan ini adalah untuk bekalan dan perkhidmatan, subsidi dan bayaran pulang balik. Bayaran bagi bekalan dan perkhidmatan dijangkakan meningkatkan pada tahun 2004 adalah bertujuan untuk penyelenggaraan dan membaik pulih, sewaan dan bayaran perkhidmatan profesional. Ianya adalah sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan perkhidmatan awam. Bayaran bagi subsidi pula ditingkatkan untuk menstabilkan harga runcit bagi produk petroleum dalam negara. Ini adalah berikutan daripada peningkatan harga minyak mentah di pasaran dunia. Perbelanjaan bagi bayaran pulang balik juga dijangka meningkat untuk membayar

lebih cukai yang dipungut pada tahun-tahun sebelum tahun 2004. Pelaksanaan sistem taksiran tahun semasa yang memerlukan bayaran cukai dibuat terlebih dahulu yang menyebabkan lebih bayaran cukai.

Peningkatan yang lebih kecil dijangka pada belanjawan perbelanjaan mengurus pada tahun 2004 adalah emolumen, pencen dan juga ganjaran. Kerajaan Persekutuan juga telah menyusun dan menstrukturkan semula beberapa kementerian seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia serta Kementerian Perusahaan Utama dan menubuhkan beberapa kementerian baru seperti Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi bertujuan untuk menyelaraskan semula fungsi kementerian tersebut supaya lebih sesuai dengan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Justeru itu, implikasi kos daripada penstrukturkan semula agensi tersebut telah dikawal agar tidak melebihi belanjawan melalui penyusunan semula dan mengoptimumkan sumber-sumber yang sedia ada.

Perbelanjaan pembangunan pula dijangkakan menurun sebanyak 20.7 peratus kepada RM31,131 juta pada tahun 2004 iaitu selaras dengan objektif kerajaan untuk mengurangkan defisit. Selain itu, kerajaan juga telah menyiapkan projek dan melaksanakan projek dengan cepat pada tiga tahun pertama RMK-8 sebagai sebahagian daripada langkah menjana pertumbuhan ekonomi bagi mengelakkan kemelesetan ekonomi. Pada ketika ini, perbelanjaan yang lebih kecil adalah mencukupi untuk mengekalkan momentum pertumbuhan dan sebahagian besar perbelanjaan ini digunakan untuk projek-projek pembangunan yang berskala kecil iaitu khususnya kepada projek pertanian dan luar bandar,

memperbaiki bekalan air dan meluaskan rangkaian jalan luar bandar bagi mempertingkatkan kualiti hidup kawasan desa.

Perbelanjaan pembangunan kerajaan persekutuan telah dibahagikan mengikut tiga sektor iaitu sektor ekonomi, perkhidmatan sosial dan perbelanjaan am. Bagi sektor ekonomi, perbelanjaan dianggarkan sebanyak RM13,385 juta iaitu mewakili 43 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2004. Sektor ekonomi ini tertumpu kepada perbelanjaan subsektor pengangkutan, pertanian dan pembangunan luar bandar serta perbelanjaan perdagangan dan perindustrian. Subsektor pengangkutan merangkumi sebahagian besar sektor ekonomi terutamanya untuk pembinaan dan meningkatkan taraf jalan raya, jambatan, pelabuhan dan lapangan terbang.

Komponen kedua terbesar dalam perbelanjaan pembangunan adalah perkhidmatan sosial iaitu dianggarkan sejumlah RM10,738 juta dibelanjakan pada tahun 2004 berbanding RM17,707 juta pada tahun 2003. Ianya lebih tertumpu kepada pendidikan, kesihatan dan juga perumahan. Di samping itu, perbelanjaan untuk pentadbiran am dianggarkan pada tahun 2004 adalah berjumlah RM2,670 juta iaitu berlaku peningkatan sebanyak 46.4 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sebahagian besar perbelanjaan ini lebih ditumpukan kepada menaik taraf peralatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) serta pembelian kelengkapan dan peralatan untuk bangunan kerajaan yang baru.

1.3 Permasalahan Kajian

Secara umumnya, pertumbuhan ekonomi negara pada masa sekarang adalah dalam keadaan ketidakstabilan. Hal ini berikutan daripada kemelesetan ekonomi yang melanda negara pada tahun 1997 sehingga 1998. Di samping itu juga, persekitaran luaran yang tidak menentu dari segi ekonomi, politik dan sosial juga menjadi salah satu punca ketidakstabilan pertumbuhan ekonomi iaitu termasuk peristiwa 11 September 2001 yang berlaku di negara Amerika Syarikat, pencerobohan Amerika Syarikat ke atas negara Iraq, dan penyebaran wabak SARS di Asia. Hasil daripada rentetan itulah maka kerajaan terpaksa melaksanakan pelbagai inisiatif untuk merangsang pertumbuhan ekonomi daripada krisis kewangan.

Sebahagian besar pertumbuhan ekonomi negara bergantung kepada perbelanjaan awam dan hasil kutipan cukai. Oleh yang demikian, kajian yang dilakukan adalah untuk melihat perkaitan antara kedua-dua faktor utama yang berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi. Ini adalah bertujuan untuk melihat hubung kait antara perbelanjaan dengan hasil cukai dapat merangsang pertumbuhan ekonomi ke arah positif atau sebaliknya. Ini adalah penting dalam menentukan arah ekonomi dalam sesebuah negara. Kajian ini telah melihat kepada beberapa pemboleh ubah yang dapat merangsang pertumbuhan ekonomi seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), hasil cukai termasuk cukai langsung dan cukai tak langsung, dan juga hasil bukan cukai.

KDNK sebenar telah berkembang pada kadar purata 8.7 peratus setahun dalam tempoh 1996 hingga 1997 sebelum mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 7.4 peratus pada tahun 1998. Dalam tempoh 1999 hingga 2000, berlaku pertumbuhan purata sebanyak 7.2 peratus di mana kerajaan telah mengusahakan memulihkan ekonomi negara mulai pada pertengahan tahun 1998 dengan melaksanakan dasar fiskal dan kewangan serta terus meningkat sehingga tahun 2004. Dasar fiskal ini telah menyebabkan perbelanjaan mengurus terus menjadi sederhana melalui pengurusan fiskal yang bersistematik dan pengurusan sumber yang cekap. Di samping itu, perbelanjaan pembangunan sektor awam bagi RMK-7 telah mencapai RM222.9 bilion dan ianya dijangka meningkat bagi RMK-8 kepada RM253.4 bilion.

Walaupun paras perbelanjaan pembangunan sektor awam pada harga semasa adalah besar namun ianya adalah lebih rendah pada harga sebenar iaitu lebih rendah daripada yang dicatatkan dalam RMK-7. Namun, sektor ini telah bergabung dengan sektor swasta dalam memulihkan pertumbuhan ekonomi dan ianya telah memberi impak yang besar dalam sektor awam di mana kerajaan mahukan sektor swasta memainkan peranan yang lebih besar dalam menjana pertumbuhan ekonomi. Kajian akan melihat melalui penggabungan ini bagaimana sektor awam memainkan peranan dalam merangsang sektor swasta sebagai peneraju pertumbuhan. Di samping itu, hasil cukai yang terdiri daripada cukai langsung dan cukai tidak langsung serta hasil bukan cukai juga memainkan peranan dalam menjana pertumbuhan ekonomi. Cukai langsung dijangkakan menyumbang 47.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kutipan hasil pada tahun 2004 berbanding 46.4 peratus pada tahun 2003.

Ini bermakna hasil cukai dijangkakan meningkat sebanyak 9 peratus daripada RM64,891 juta pada tahun 2003 iaitu RM70,759 juta pada tahun 2004. Di dalam ucapan belanjawan 2005, kerajaan telah mencadangkan untuk memansuhkan cukai penggunaan iaitu yang terdiri daripada cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Ianya akan digantikan dengan cukai penggunaan berasaskan konsep nilai ditambah yang akan dikenali sebagai Cukai Barangan dan Perkhidmatan atau *Goods and Services Tax (GST)*. GST merupakan satu sistem percukaian yang lebih komprehensif, cekap, telus dan berkesan serta mampu meningkatkan kadar pematuhan cukai (*tax compliance*) memandangkan syarikat perlu menyimpan akaun yang teratur.

Kesimpulannya, kajian dilakukan secara keseluruhan ke atas dasar fiskal dan kewangan yang dilaksanakan pada pertengahan tahun 1998 serta usaha konsolidasi yang diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 2001 dan diteruskan sehingga tahun 2005 sejajar dengan matlamat kerajaan untuk memulihkan pertumbuhan ekonomi negara selepas berlakunya krisis kewangan pada tahun 1997. Selain itu, kajian ini juga untuk melihat perubahan dalam pertumbuhan ekonomi yang lebih fokus utama dari segi perbelanjaan kerajaan dan hasil cukai setelah kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar dalam merangsang pertumbuhan ekonomi.

1.4 Objektif Kajian

Kajian mempunyai matlamat yang agak luas serta melibatkan pelbagai aspek perolehan serta perbelanjaan kerajaan persekutuan Malaysia. Justeru, penginterpretasian objektif kajian wajar diterjemahkan bagi memudahkan kajian ini dijalankan dengan lebih teratur dan mantap. Segala objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1.4.1 Objektif Umum

- a) Untuk melihat perubahan corak perolehan serta perbelanjaan kerajaan persekutuan setelah melalui pelbagai senario ekonomi global; dan
- b) Untuk melihat dengan lebih terperinci dari segi perbelanjaan awam dan hasil cukai dalam merangsang pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam jangka pendek dan jangka panjang.

1.4.2 Objektif Khusus

- a) Untuk melihat dengan lebih terperinci pola perubahan dalam pertumbuhan ekonomi negara dengan menggunakan usaha konsolidasi fiskal sejajar dengan matlamat kerajaan untuk mengecap pertumbuhan ekonomi yang lebih konduksi dalam jangka panjang; dan
- b) Menganalisis impak perolehan serta perbelanjaan kerajaan persekutuan dalam mencorakkan struktur ekonomi Malaysia; dan

- c) Mencadangkan beberapa dasar serta polisi bersifat jangka sederhana dan jangka panjang agar kerajaan dapat memantapkan lagi pengurusan ekonomi negara dalam jangka panjang.

1.5 Skop Dan Metodologi Kajian

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini berbentuk penganggaran linear dengan menggunakan data bersifat siri masa tahunan selama 35 tahun, iaitu dari tahun 1970 sehingga tahun 2004. Segala data kajian diperolehi dari Bank Negara Malaysia (BNM) dan Laporan Tahunan Ekonomi. Bagi memastikan kajian yang bakal dijalankan menonjolkan ciri-ciri trend perbelanjaan serta perolehan kerajaan, beberapa ujian bersifat ekonometrik diguna pakai. Ke semua hasil keputusan akhir kajian, diilustrasi dalam bentuk jadual serta gambar rajah bagi memudahkan penginterpretasian dapat dilaksanakan.

1.6 Kesimpulan

Kesimpulannya, melalui dasar-dasar yang telah dilaksanakan oleh kerajaan seperti usaha konsolidasi dalam memulihkan krisis kewangan telah membuktikan dapat mengurangkan defisit fiskal kepada 4.3 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2004 daripada 5.3 peratus pada tahun 2003 dan paras yang tinggi sebanyak 5.7 peratus pada tahun 2000 di samping berlaku peningkatan dalam pertumbuhan ekonomi. Kerajaan telah menunjukkan komitmen yang

mantap terhadap pelaksanaan dasar konsolidasi fiskal. Dari segi pentadbiran perbelanjaan, usaha-usaha bersepadu juga telah diambil bagi mengurangkan pembaziran, menggunakan sumber sedia ada dengan optimum dan meningkatkan nilai ekonomi bagi aset fizikal melalui penggunaan dan penyelenggaraan yang produktif.

BAB 2

MOMENTUM PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA

2.1 Pendahuluan

Ketekalan ekonomi Malaysia untuk kekal pada landasan pertumbuhan yang mapan dapat dilihat setelah ekonomi Malaysia mengalami pertumbuhan yang lembap ekoran krisis kewangan yang melanda negara pada tahun 1997. Namun demikian, prospek pemulihan ekonomi global telah terjejas oleh perkembangan geopolitik, khususnya pencerobohan di Iraq, insiden keganasan yang masih berlaku dan juga wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS). Dalam persekitaran global yang kurang memberangsangkan serta kebimbangan kemungkinan ekonomi dunia yang sudah pun lembap menjadi semakin lemah, kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk membendung masalah ini daripada pelbagai kemungkinan yang bakal berlaku di kemudian harinya.

Pada Mei 2003, kerajaan telah memperkenalkan pakej pro-pertumbuhan yang lebih menyeluruh iaitu Pakej Strategi Baru. Pakej ini telah menyediakan bantuan segera kepada sektor yang terjejas oleh SARS, di samping itu juga memberi perhatian terhadap isu-isu berkaitan struktur dan organisasi bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi dalam jangka sederhana dan panjang. Selain itu, peperangan di Iraq yang singkat dan pembendungan wabak SARS yang cepat telah memberi ruang yang diperlukan oleh negara untuk membolehkan ekonomi menghadapi tempoh yang sukar dan terus berada di landasan pertumbuhan yang lebih kukuh.

Hasil daripada rentetan asas-asas ekonomi Malaysia yang mantap serta dasar fiskal yang mengembang, maka ini telah membantu mengekalkan pertumbuhan KDNK benar pada paras yang tinggi. Selain itu, ianya juga disokong oleh pakej rangsangan pro-aktif kerajaan. Dasar makroekonomi yang diamalkan beberapa tahun kebelakangan ini telah memberi tumpuan ke arah menangani persekitaran luar yang masih tidak menentu selain daripada mengekalkan momentum pertumbuhan. Ini memerlukan amalan dasar fiskal mengembang untuk meningkatkan lagi aktiviti ekonomi dalam negeri. Semenjak krisis kewangan Asia, Malaysia telah mengamalkan dasar fiskal mengembang untuk merangsang aktiviti ekonomi, di samping dapat mengekalkan momentum pertumbuhan dalam keadaan di mana prestasi sektor swasta kurang menggalakkan. Keadaan ekonomi dunia yang masih tidak menentu, terus memberi cabaran kepada kerajaan dalam usahanya mentadbir proses konsolidasi fiskal. Ini selaras dengan komitmen kerajaan untuk mencapai bajet berimbang dalam masa terdekat.

2.2 Perbelanjaan Awam Dan Hasil Cukai Malaysia

Perbelanjaan sektor awam di Malaysia merupakan perbelanjaan oleh kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, dan Perusahaan Awam Bukan Kerajaan (PABK). Perbelanjaan awam dibahagikan kepada dua iaitu perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Perbelanjaan mengurus meliputi perbelanjaan ke atas barang perkhidmatan serta bayaran pindahan manakala perbelanjaan pembangunan ialah barang-barang modal.

Perbelanjaan mengurus dikelaskan mengikut objek dan mengikut sektor. Perbelanjaan mengikut objek meliputi gaji, pencen, dan ganjaran, khidmat bayaran hutang luar negeri dan dalam negeri, pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri, bekalan dan perkhidmatan, subsidi, biasiswa dan bantuan pelajaran, bayaran pengurusan kepada sekolah rendah dan menengah, pembelian aset, bayaran balik, bayaran ganti dan pemberian kepada badan berkanun. Perbelanjaan-perbelanjaan mengikut objek ini adalah bagi sektor-sektor berikut, iaitu sektor keselamatan yang meliputi pertahanan dan keselamatan dalam negeri, sektor perkhidmatan sosial yang meliputi pelajaran, kesihatan, perumahan, sektor perkhidmatan ekonomi yang meliputi sektor pertanian dan pembangunan luar bandar, kemudahan awam, perdagangan dan perhubungan dan juga sektor pentadbiran am.

Perbelanjaan pembangunan pula meliputi perbelanjaan modal terhadap projek-projek sosioekonomi yang akan menaikkan tingkat sosioekonomi dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Perbelanjaan pembangunan adalah lebih rendah daripada perbelanjaan mengurus kerana ianya bersifat pelaburan jangka panjang. Perbelanjaan pembangunan meliputi perbelanjaan modal untuk sektor-sektor ekonomi seperti keselamatan, perkhidmatan sosial, perkhidmatan ekonomi dan perkhidmatan awam.

Hasil sektor awam yang menampung kos perbelanjaan diperoleh daripada hasil cukai, hasil bukan cukai serta penerimaan. Hasil cukai terdiri daripada cukai-cukai langsung, cukai pendapatan, cukai tidak langsung dan duti yang dikenakan di bawah pelbagai undang-undang seperti Akta Cukai Pendapatan 1947, Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jalan 1972, Akta Eksais 1975, dan lain-lain, Cukai terbahagi kepada dua iaitu cukai langsung dan cukai tidak langsung. Cukai langsung terdiri daripada cukai pendapatan individu, cukai pendapatan petroleum, cukai harta pusaka, cukai pendapatan syarikat, dan cukai keuntungan lebihan. Cukai tidak langsung pula terdiri daripada duti eksport, duti import dan tokok, cukai jalan, cukai perkhidmatan, cukai perjudian dan lain-lain.

Hasil bukan cukai meliputi bayaran lesen, permit, bayaran perkhidmatan, cukai jualan, sewa, faedah, denda, caruman daripada agensi kerajaan dan antarabangsa. Penerimaan pula terdiri daripada bayaran balik perbelanjaan, kredit antara jabatan, pulangan balik bayaran berlebihan atau bayaran tersilap dalam tahun fiskal yang lepas, penerimaan daripada agensi kerajaan yang lain dan hasil daripada Wilayah Persekutuan dan Labuan.

2.2.1 Perbelanjaan Awam Dan Hasil Cukai Pemangkin Sebagai Pemacu Pertumbuhan Ekonomi Malaysia


Ekonomi Malaysia terus berdaya tahan dan berjaya mencatat pertumbuhan tahunan positif walaupun persekitaran luaran yang semakin tidak menentu berikutan daripada krisis kewangan Asia, pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan, pencerobohan di Iraq, serta wabak SARS. Keupayaan negara untuk mengelakkan kemelesetan adalah disebabkan oleh kekuatan asas-asas makroekonomi yang telah dibina pada tahun sebelumnya serta pelaksanaan langkah-langkah fiskal yang efektif bagi mengurangkan impak negatif persekitaran global ke atas Malaysia. Ini menunjukkan dasar fiskal telah memainkan peranan yang penting dalam pengurusan makroekonomi Malaysia.

Merujuk Rajah 2.1 dan 2.2, dasar penglibatan kerajaan berdasarkan dua objektif utama Dasar Ekonomi Baru (DEB) iaitu pada tahun 70-an, telah mewujudkan pelbagai perusahaan awam dan meningkatkan perbelanjaan sektor awam secara purata sebanyak 13.7 peratus dari tahun 1971 sehingga 1982. Lanjutan daripada pelaksanaan dasar penswastan pada tahun 1983 di mana sektor swasta telah menjadi jentera pertumbuhan, perbelanjaan sektor awam telah berkurangan kepada 4.3 peratus bagi tempoh 1983 hingga 1996. Kadar pertumbuhan bagi tempoh dari 1988 sehingga sebelum krisis kewangan 1997 hingga 1998 adalah yang tertinggi dalam sejarah negara dengan purata 9.5 peratus setahun.

Semasa ekonomi negara mengalami pertumbuhan yang tertinggi di mana sektor swasta memainkan peranan yang utama seperti sebelum tahun-tahun sebelum krisis kewangan Asia, dasar fiskal adalah ketat dan negara mencapai lebihan fiskal dari tahun 1993 hingga 1997. Perbelanjaan awam sebanyak 25.8 peratus KDNK, sebahagian besarnya adalah untuk membantu usaha-usaha dan pembangunan sektor swasta. Sebaliknya, pada tahun-tahun selepas berlakunya krisis kewangan Asia di mana ekonomi Malaysia mengalami kemelesetan yang teruk, kerajaan telah memulakan dasar fiskal mengembang bagi membantu sektor swasta yang menghadapi kesulitan kewangan.


Ekonomi Malaysia sekali lagi menghadapi cabaran yang getir apabila pertumbuhan ekonomi dunia mulai perlahan di akhir tahun 2000 ekoran daripada peristiwa 11 September sehingga menjejaskan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Untuk mengurangkan kesan pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan dan peristiwa 11 September, kerajaan telah melaksanakan dua pakej rangsangan fiskal berjumlah RM3.0 bilion dan RM4.3 bilion di bulan Mac dan September 2001. Ini telah menyebabkan kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia telah mengalami peningkatan semula.

Rajah 2.1 Kadar Pertumbuhan KDNK, Tahun 1970-2004



Sumber: Laporan Ekonomi 2003/2004 (halaman 102)

Rajah 2.2 Sumbangan Perbelanjaan Awam Kepada Kadar Pertumbuhan KDNK, Tahun 1971-2004



Sumber: Laporan Ekonomi 2003/2004, halaman 102

**Jadual 2.1 Kadar Pertumbuhan KDNK Benar bagi Negara ASEAN
Terpilih, 2001-2005**

Negara	2001	2002	2003	2004¹	2005²
Brunei	3.1	3.2	3.6	2.0	1.6
Indonesia	3.5	3.7	4.1	4.8	5.4
Malaysia	0.3	4.1	5.3	7.0	6.0
Filipina	3.0	4.4	4.7	4.9-5.8	5.3-6.3
Singapura	-1.9	2.2	1.1	8.0-9.0	3.0-5.0
Thailand	2.1	5.4	6.8	7.1	6.7
Vietnam	5.0	5.8	6.0	7.0	7.0
Myanmar	10.5	5.5	5.1	4.3	3.7
Laos	5.8	5.9	5.3	5.8	6.3

¹ Anggaran

² Unjuran

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (pelbagai tahun)

Jadual 2.1 menunjukkan kadar pertumbuhan KDNK benar bagi negara Asean yang terpilih pada tahun 2001 sehingga 2005. Kadar KDNK bagi Malaysia telah mengalami peningkatan dari tahun 2001 sehingga 2004 iaitu meningkat dari 0.3 peratus sehinggalah 7.0 peratus. Tetapi, pada tahun 2005, KDNK benar Malaysia dijangka mengalami penurunan sebanyak 1 peratus iaitu kepada 6.0 peratus. Ini merupakan sejajar dengan usaha konsolidasi fiskal yang dilaksanakan oleh kerajaan pada tahun 2001 untuk membantu pertumbuhan ekonomi negara berada pada tahap yang stabil dan dapat bersaing dengan negara-negara maju yang lain.

Jadual 2.2 menunjukkan berlakunya peningkatan sebanyak 9.5 peratus dalam perbelanjaan kerajaan persekutuan bagi tahun 2003. Pertambahan perbelanjaan mengurus adalah disebabkan oleh pelarasan gaji berikutan daripada pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia serta pembayaran bonus setengah bulan kepada kakitangan awam untuk merangsang penggunaan. Selain itu, ianya juga

adalah disebabkan oleh pembaikan dan penyelenggaraan yang bertujuan untuk meningkatkan taraf perkhidmatan dan memperbaiki lagi sistem serahan.

Perbelanjaan pembangunan pula ditumpukan ke arah membina kapasiti, khususnya dalam mengembangkan rangkaian pengangkutan dan kemudahan infrastruktur. Keutamaan juga diberikan kepada pembinaan sekolah, institusi latihan, hospital dan perumahan awam sebagai langkah membina tenaga kerja yang berkualiti dan memperbaiki perkhidmatan kesihatan awam. Perbelanjaan juga dikhususkan bagi kebajikan rakyat miskin dan sektor luar bandar, sejajar dengan dasar sosial kerajaan untuk mengurangkan beban kepada golongan istimewa ini.

Jadual 2.2 Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan, 2002-2003 (RM Juta)

Maksud Perbelanjaan	Objek Am	2002	2003
Mengurus	Emolumen	20,242.4	21,721.4
	Perkhidmatan Dan Bekalan	11,268.9	13,968.4
	Aset	967.5	1,409.4
	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	¹ 34,429.1	¹ 35,417.9
	Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	1,790.8	2,706.5
	Jumlah		68,698.7
Pembangunan	Perkhidmatan Ekonomi	12,433.5	13,793.0
	Perkhidmatan Sosial	18,043.0	17,706.7
	Keselamatan	4,333.2	6,028.7
	Pentadbiran Am	1,167.5	1,824.2
Jumlah		35,977.2	39,352.6
Jumlah Besar Perbelanjaan		104,675.9	114,576.2

¹ Tidak termasuk pindahan kepada kumpulan wang pembangunan.

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia (pelbagai tahun)

Jadual 2.3 Hasil Kerajaan Persekutuan, 2002-2003 (RM Juta)

Kod Hasil	Objek Am	2002	2003
61000	Cukai langsung	44,351.0	43,015.7
62000	Cukai tidak langsung	22,509.2	21,875.3
70000	Hasil bukan cukai	15,759.1	23,131.0
80000	Terimaan bukan hasil	685.6	4,355.8
90000	Hasil wilayah-wilayah persekutuan	210.3	230.0
Jumlah Hasil		83,515.2	92,607.8

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia (pelbagai tahun)

Jadual 2.3 menunjukkan hasil cukai persekutuan meningkat pada tahun 2003 iaitu selaras dengan usaha konsolidasi fiskal yang dilaksanakan pada tahun 2001. Komponen utama bagi hasil cukai merupakan cukai langsung dan cukai tidak langsung yang menyumbang masing-masing sebanyak RM43,015.7 juta dan RM21,875.3 juta pada tahun 2003 berbanding RM44,351.0 juta dan RM22,509.2 juta pada tahun 2002. Ini menunjukkan hasil cukai mengalami penurunan berbanding hasil bukan cukai yang meningkat pada tahun 2003. Selain itu juga, terimaan bukan hasil dan hasil wilayah-wilayah persekutuan juga meningkat. Secara keseluruhannya, hasil cukai dapat mencapai hasrat kerajaan selaras dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan hasil kutipan.

Jadual 2.4 Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan – Mengikut Sektor, 2001-2005 (RM Juta)

Perkara	2001	2002	2003	2004⁴	2005⁵
Keselamatan	8,310	9,029	10,407	11,827	12,200
Perkhidmatan Sosial	21,756	24,799	28,707	31,226	31,736
Perkhidmatan Ekonomi	5,150	6,015	6,467	7,419	7,305
Pentadbiran Am ¹	8,635	8,275	8,453	8,146	7,383
Lain-Lain Perbelanjaan ²	19,906	20,581	21,190	32,906	30,517
Jumlah	63,757	68,699	75,224	91,524	89,141

¹Termasuk Jabatan-Jabatan Perkhidmatan Awam, Perangkaan, Kastam Diraja dan Kementerian Luar Negeri.

²Termasuk bayaran khidmat hutang dan bayaran pindahan.

³Anggaran sebenar.

⁴Anggaran disemak.

⁵Peruntukan Belanjawan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (pelbagai tahun)

Jadual 2.4 menunjukkan perbelanjaan mengurus kerajaan persekutuan mengikut sektor bagi tahun 2001 sehingga 2005. Bagi sektor keselamatan, berlaku peningkatan dari setiap tahun dan dianggarkan pada belanjawan 2005, sektor ini memperuntukkan sejumlah RM12,200 juta untuk dibelanjakan. Sektor perkhidmatan sosial juga mengalami peningkatan pada setiap tahun. Hal ini kerana, sektor ini menampung peningkatan gaji guru, memberi perkhidmatan kesihatan yang lebih berkualiti dan juga dibelanjakan untuk perumahan awam kos rendah dan sederhana yang dilaksanakan di bawah program Perumahan Rakyat dan Perumahan Rakyat Bersepadu. Selain itu, perkhidmatan ekonomi, pentadbiran am, dan lain-lain perbelanjaan dijangkakan mengalami penurunan pada 2005. Secara keseluruhannya, perbelanjaan mengurus kerajaan persekutuan ini mengalami pengurangan pada tahun 2005 selaras dengan usaha konsolidasi fiskal yang dilaksanakan pada tahun 2001 dan berterusan sehingga 2005.

Jadual 2.5 Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan - Mengikut Objek, 2001-2005 (RM Juta)

Perkara	2001	2002	2003³	2004⁴	2005⁵
Emolumen	17,443	20,242	21,721	21,814	22,241
Pencen Dan Ganjaran	4,711	5,134	5,870	6,174	6,227
Bayaran Khidmat Hutang	9,634	9,670	10,546	11,655	13,300
Pemberian Dan Serahan Kepada Kerajaan Negeri ¹	2,013	2,534	2,125	2,960	3,089
Bekalan Dan Perkhidmatan	10,703	11,269	13,968	18,133	18,790
Subsidi	4,552	3,677	2,679	6,250	5,341
Biasiswa/Dermasiswa Dan Bantuan Pelajaran	867	998	1,587	1,971	1,944
Bayaran Pengurusan Kepada Sekolah Rendah Dan Menengah	833	1,133	776	768	1,084
Pembelian Harta	1,339	968	1,409	861	1,414
Bayaran Balik Dan Hapus Kira	1,776	1,745	2,657	5,113	322
Pemberian Kepada Badan-Badan Berkanun	5,312	6,361	6,844	7,153	7,770
Lain-Lain Perbelanjaan ²	4,574	4,968	5,042	8,672	7,619
Jumlah	63,757	68,699	75,224	91,524	89,141

¹Pemberian kepada kerajaan negeri meliputi serahan-serahan selain dari pemberian di bawah Perlembagaan Persekutuan.

²Termasuk pemberian kepada pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, tuntutan insurans dan pampasan dan lain-lain.

³Anggaran sebenar.

⁴Anggaran disemak.

⁵Peruntukan belanjawan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (pelbagai tahun)

Jadual 2.5 menunjukkan perbelanjaan mengurus dijangka meningkat kepada RM91,524 juta pada tahun 2004 berbanding pada tahun 2003 RM75,224 juta. Sebahagian besar peningkatan ini adalah untuk bekalan dan perkhidmatan, subsidi dan bayaran pulang balik. Peningkatan yang lebih kecil dijangka bagi emolumen, pencen dan ganjaran. Emolumen yang merupakan komponen terbesar perbelanjaan mengurus dijangka meningkat sedikit. Sebahagian daripada emolumen adalah untuk gaji guru, doktor dan jururawat. Bayaran khidmat hutang adalah lebih tinggi namun sumbangannya kepada jumlah perbelanjaan mengurus

yang kini merupakan komponen ketiga terbesar, dikawal pada RM11,655 juta berbanding pada tahun 2003 iaitu RM10,546 juta.

Jadual 2.6 Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan, 2001-2005 (RM Juta)

Perbelanjaan	2001	2002	2003¹	2004²	2005⁶
Keselamatan	3,287	4,333	6,029	4,338	3,046
Pertahanan	2,572	3,385	4,936	3,687	2,329
Keselamatan Dalam Negeri ¹	715	948	1,093	651	717
Perkhidmatan Sosial	15,384	18,043	17,707	10,738	7,587
Pendidikan	10,363	12,436	10,193	4,494	2,817
Kesihatan	1,570	1,503	2,681	2,646	1,089
Perumahan	1,269	1,808	1,928	1,320	1,729
Lain-Lain	2,182	2,296	2,905	2,278	1,952
Perkhidmatan Ekonomi	12,725	12,434	13,793	13,385	13,914
Pertanian Dan Pembangunan Luar Bandar	1,394	1,364	1,620	2,671	2,425
Kemudahan Awam ²	1,092	1,808	920	1,754	1,796
Perdagangan Dan Perindustrian	4,830	3,474	3,456	1,629	1,790
Pengangkutan	5,042	5,401	7,354	7,014	7,452
Perhubungan	330	282	403	123	134
Lain-Lain	37	105	40	194	317
Pentadbiran Am³	3,839	1,167	1,824	2,670	3,757
Jumlah	35,235	35,977	39,353	31,131	28,304

¹Termasuk Polis, Keselamatan Sempadan dan Negeri.

²Kebanyakannya bekalan elektrik dan air.

³Termasuk Jabatan-Jabatan Perkhidmatan Awam, Perangkaan, Kastam Diraja dan Kementerian Luar Negeri.

⁴Anggaran sebenar.

⁵Anggaran disemak.

⁶Peruntukan belanjawan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (pelbagai tahun)

Menurut jadual 2.6, perbelanjaan pembangunan kerajaan persekutuan bagi 2004 merupakan RM31,131 juta iaitu mengalami penurunan berbanding tahun 2003. Jumlah perbelanjaan untuk sektor perkhidmatan ekonomi dianggarkan sebanyak RM13,385 juta, iaitu mewakili 43 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan pada 2004 berbanding tahun 2003 iaitu sejumlah

RM13,793 juta yang mewakili sebanyak 35 peratus. Bagi sektor perkhidmatan ekonomi, sub-sektor pengangkutan merangkumi bahagian terbesar iaitu berjumlah RM7,014 juta. Sub-sektor ini digunakan untuk pembinaan dan penaiktarafan jalan raya, jambatan, pelabuhan dan lapangan terbang, misalnya, Lebuhraya Pantai Timur Karak, Jalan Kelang Lama, Lapangan Udara Bari dan Long Akhar serta Lapangan Terbang Bintulu.

Perbelanjaan untuk pertanian dan pembangunan luar bandar dijangka meningkat dengan ketara pada tahun 2004 sebanyak 64.9 peratus kepada RM2,671 juta. Hal ini berikutan daripada langkah penumpuan semula kerajaan untuk terus memodenkan sektor pertanian menjadi suatu sektor komersil yang menguntungkan, khususnya bagi industri pengeluaran makanan dan aktiviti hiliran serta meningkatkan taraf hidup di kawasan luar bandar. Perbelanjaan utiliti awam pula turut meningkat sebanyak 90.7 peratus kepada RM1,754 juta berbanding pada tahun 2003 iaitu RM920 juta, selaras dengan usaha kerajaan untuk merapatkan jurang perbezaan antara bandar dan luar bandar dengan meningkatkan lagi kemudahan awam di luar bandar seperti bekalan elektrik, air dan telekomunikasi. Bagi sub-sektor perdagangan dan industri, 40.8 peratus daripada perbelanjaan adalah untuk pembangunan projek perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan pelancongan. Keutamaan diberikan kepada skim jaminan kredit dan skim penempatan semula PKS serta promosi projek ekoplancongan dan penaiktarafan kemudahan infrastruktur pelancongan.

Sejumlah RM10,738 juta dibelanjakan untuk perkhidmatan sosial yang merupakan komponen kedua terbesar dalam perbelanjaan pembangunan untuk tahun 2004. Perbelanjaan untuk sub-sektor pendidikan dijangka lebih rendah pada 2004, berikutan kebanyakan projek pendidikan di bawah RMK-8 seperti sekolah satu sesi, makmal komputer, politeknik serta universiti telah siap. Bagi memberi perkhidmatan kesihatan yang lebih berkualiti serta menyediakan lebih banyak peluang untuk menikmati perkhidmatan perubatan, sejumlah RM2,646 juta dibelanjakan, terutamanya untuk perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar, penaiktarafan hospital dan klinik serta pembinaan hospital baru di Serdang, Sungai Buloh dan Temerloh.

Di samping itu, sebahagian daripada perbelanjaan adalah juga untuk membeli peralatan dan mesin penjagaan kesihatan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan dalam negara. Sejumlah RM1,320 juta adalah untuk sektor perumahan pada 2004, di mana RM669 juta adalah untuk perumahan angkatan tentera dan polis, terutamanya di Lembah Kelang, Kuching, Kinarut, Pontian dan Batu Uban, sementara yang selebihnya akan dibelanjakan untuk perumahan awam kos rendah dan sederhana yang dilaksanakan di bawah program Perumahan Rakyat dan Perumahan Rakyat Bersepadu. Selain itu, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), sebuah syarikat berkaitan kerajaan juga terlibat dalam pembinaan rumah kos rendah dengan menggunakan sumber kewangan sendiri.

Jadual 2.7 Hasil Kerajaan Persekutuan, 2001-2005 (RM Juta)

Perkara	2001	2002	2003¹	2004⁴	2005⁵
Cukai Langsung	42,098	44,351	43,016	46,424	45,100
Cukai Pendapatan	40,137	42,236	40,502	43,996	42,409
Syarikat-syarikat	20,771	24,642	23,990	24,511	21,265
Perseorangan	9,436	9,889	7,984	8,042	8,786
Petroleum	9,859	7,636	8,466	10,164	11,274
Koperasi dan lain-lain	71	69	62	1,279	1,084
Lain-lain ¹	1,961	2,115	2,514	2,428	2,691
Cukai Tak Langsung	19,393	22,510	21,875	24,335	26,042
Duti Eksport	867	803	1,156	1,582	1,634
Petroleum	831	768	1,106	1,529	1,575
Lain-lain	36	35	50	53	59
Duti Import dan Cukai Tokok	3,193	3,669	3,919	4,036	4,148
Eksais	4,129	4,745	5,031	6,042	6,331
Cukai Jualan	7,356	9,244	7,965	7,436	8,133
Cukai Perkhidmatan	1,926	2,214	2,038	2,800	3,066
Lain-lain	1,922	1,835	1,766	2,439	2,730
Hasil Bukan Cukai²	18,076	16,654	27,717	26,158	27,888
Jumlah Hasil	79,567	83,515	92,608	96,917	99,030

¹Termasuk hasil daripada duti setem.

²Termasuk hasil daripada perkhidmatan kerajaan berupa pemiagaan, faedah dan hasil daripada pelaburan, lesen, bayaran perkhidmatan, cukai jalan, denda dan rampasan, hasil sewa daripada Wilayah-wilayah Persekutuan, pemberian daripada kerajaan-kerajaan luar negeri dan agensi-agensi antarabangsa dan royalti/bayaran tunai atas petroleum dan gas.


³Anggaran sebenar.

⁴Anggaran disemak.

⁵Anggaran belanjawan tanpa mengambil kira apa-apa perubahan cukai.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (pelbagai tahun)

Rajah 2.3 Komponen Utama Hasil Kerajaan Persekutuan, 2000-2005 (RM Juta)



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (pelbagai tahun)


Hasil cukai meningkat dari tahun 2001 sehingga 2005 iaitu daripada RM79,567 juta pada tahun 2001 kepada RM96,917 juta pada tahun 2004 dan dijangkakan pada tahun 2005 hasil cukai adalah sebanyak RM99,030 juta, seperti yang dipaparkan di dalam Jadual 2.7 dan Rajah 2.3. Komponen utama bagi hasil cukai merupakan cukai langsung yang menyumbang RM46,424 juta pada tahun 2004 daripada jumlah keseluruhan kutipan hasil. Cukai pendapatan individu meningkat RM8,042 juta pada tahun 2004 iaitu sejajar dengan peningkatan prestasi ekonomi. Begitu juga, cukai pendapatan syarikat adalah lebih tinggi berikutan langkah pematuhan cukai yang lebih ketat dan keuntungan perniagaan yang lebih tinggi. Cukai tidak langsung pula dijangka meningkat kepada RM26,042 juta pada tahun 2005 berbanding pada tahun 2004 iaitu RM24,335 juta. Duti eksais bagi tahun 2004 berlaku peningkatan kerana semakan semula struktur duti eksais pada awal tahun 2004 ke atas kenderaan bermotor, bagi menggantikan kutipan duti import yang berkurangan berikutan pelaksanaan sepenuhnya Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), akan menyumbang kepada kutipan duti eksais yang lebih tinggi.

Duti import meningkat kepada RM4,036 juta pada 2004 berbanding tahun 2003 iaitu RM3,919 juta, selaras dengan tren liberalisasi perdagangan antarabangsa dan kehendak AFTA. Di samping semakan semula struktur duti ke atas kenderaan bermotor, duti import ke atas beberapa barangan terpilih seperti bateri komputer, barangan kayu dan plastik telah dikurangkan atau dihapuskan. Selain itu, hasil bukan cukai pula berkurangan pada tahun 2004 disebabkan pengurangan terimaan dan pendapatan daripada jualan pelaburan kerajaan dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLCs) terpilih.

Rajah 2.4 pula menunjukkan belanjawan kerajaan persekutuan bagi hasil pada tahun 2005. Komponen utama bagi kutipan hasil merupakan cukai pendapatan iaitu dijangka merangkumi 36 peratus daripada jumlah keseluruhan hasil. Selain itu, hasil bukan cukai dan cukai-cukai lain juga dijangka dapat memberikan hasil yang tinggi kepada ekonomi negara iaitu merangkumi 26 peratus. Jumlah keseluruhan bagi belanjawan tahun 2005 dianggarkan sejumlah RM117,445 juta. Daripada jumlah tersebut, dianggarkan cukai tidak langsung merangkumi 17 peratus, duti import iaitu 4 peratus dan duti eksport pula adalah 1 peratus. Di samping itu, pinjaman dan penggunaan aset kerajaan merangkumi sebanyak 16 peratus daripada jumlah keseluruhan belanjawan.


Belanjawan kerajaan persekutuan bagi tahun 2005 untuk perbelanjaan kerajaan pula dipaparkan melalui Rajah 2.5. Daripada jumlah keseluruhan belanjawan 2005 iaitu RM117,445 juta, perbelanjaan pembangunan dianggarkan merangkumi 24.1 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan. Ianya merangkumi pentadbiran am, keselamatan, perkhidmatan sosial dan perkhidmatan ekonomi iaitu masing-masing adalah 3.2 peratus, 2.7 peratus, 6.4 peratus dan 11.8 peratus. Manakala bagi perbelanjaan mengurus pula, dianggarkan 75.9 peratus yang merangkumi emolumen, bayaran khidmat hutang, bekalan dan perkhidmatan, pencen dan ganjaran, pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri serta perbelanjaan lain. Emolumen yang merupakan komponen utama bagi perbelanjaan mengurus dianggarkan merangkumi 19.0 peratus manakala komponen kedua iaitu bekalan dan perkhidmatan pula merangkumi 16 peratus.

Rajah 2.4 Belanjawan Kerajaan Persekutuan 2005 (Hasil)



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, 2005

Rajah 2.5 Belanjawan Kerajaan Persekutuan 2005 (Perbelanjaan)



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, 2005

2.3 Sorotan Kajian Lepas

Stefan Folster dan Magnus Henrekson (2001), tidak menjumpai hubungan negatif yang serius di antara saiz kerajaan dan pertumbuhan ekonomi dengan melakukan perbandingan antara negara. Dalam sesuatu bahagian, ianya mungkin memberi kesan ke atas peramalan di dalam teori ekonomi di mana hubungan negatif seharusnya wujud terutamanya pada negara-negara kaya dengan sektor awam yang besar. Kajian ekonometrik telah dijalankan ke atas negara-negara kaya pada tempoh 1970 hingga 1995 dengan menggunakan kaedah penganggaran bagi kajian kesan pertumbuhan perbelanjaan kerajaan dan percukaian ke atas negara kaya. Hasil kajian telah menunjukkan lebih banyak hubungan rapat antara saiz kerajaan dan pertumbuhan ekonomi yang muncul.

Xavier Raurich (2001), menganalisis tentang kelakuan dinamik model dua sektor iaitu pertumbuhan endogenous dengan perbelanjaan kerajaan yang tidak produktif. Beliau dapat membuktikan bahawa ruangan parameter di mana keseimbangan yang tidak pasti adalah besar apabila bahagian hasil kerajaan yang besar ditumpukan kepada perbelanjaan kerajaan, maka penggunaan akan meningkat dengan lambat dan menyebabkan ianya digantikan dengan penggunaan antara masa. Hasil kajian menunjukkan apabila bahagian hasil kerajaan ditumpukan kepada perbelanjaan kerajaan, maka polisi fiskal akan menyebabkan keseimbangan yang ditunjukkan adalah tidak pasti.

Sanjeev Gupta dan Marijn Verhoeven (2001), telah mendapati pendidikan dan kesihatan adalah berhubungan antara satu sama lain. Beliau telah membuat kajian tentang kecekapan perbelanjaan kerajaan ke atas pendidikan dan kesihatan ke atas 37 buah negara di Afrika dalam tempoh 1984-1995 serta membuat perbandingan dengan negara dalam Asia dan Hemisfera Barat. Hasil keputusan menunjukkan, secara puratanya, negara dalam Afrika adalah kurang cekap berbanding negara Asia dan Hemisfera Barat. Walau bagaimanapun, perbelanjaan ke atas pendidikan dan kesihatan adalah cekap dalam tempoh itu. Beliau mencadangkan peningkatan dalam pencapaian pendidikan dan kesihatan di negara Afrika lebih memerlukan kepada peruntukkan belanjawan.

Wen-ya Chang, Hsueh-fang Tsai dan Ching-Chong Lai (2004), mengkaji bagaimana semangat kapitalisme mempengaruhi hubungan antara sektor awam dan pertumbuhan ekonomi dengan menggunakan model dua sektor bagi pertumbuhan endogenous. Hasil kajian menunjukkan semangat kapitalisme kini, peningkatan dalam pembahagian perbelanjaan kerajaan dapat mengurangkan output pada kadar pertumbuhan jangka panjang. Hubungan negatif di antara perbelanjaan fiskal dan pertumbuhan adalah konsisten dengan bukti empirikal.

Menurut Paresh Kumar Narayan (2005), hubungan di antara hasil kerajaan dan perbelanjaan kerajaan penting dalam ekonomi awam. Kajian ini telah menyelidik bukti untuk kointegrasi dan sebab akibat di antara hasil kerajaan dan perbelanjaan kerajaan bagi 9 negara ASEAN. Hasil kajian beliau mencadangkan bahawa 3 daripada 9 negara hasil kerajaan dan perbelanjaan kerajaan telah dikointegrasikan. Terdapat 3 hasil keputusan iaitu pertama, Indonesia, Singapura

dan Sri Lanka adalah untuk jangka pendek manakala Nepal pula adalah keduanya tempoh iaitu jangka pendek dan jangka panjang di mana memperoleh sokongan untuk hipotesis cukai dan perbelanjaan. Kedua, Indonesia dan Sri Lanka adalah dalam tempoh jangka panjang dengan hipotesis perbelanjaan dan cukai serta ketiga, terbukti, semua negara yang lain adalah terkecuali.

Menurut Mohamad Salleh Mohamad Yusof, Malaysia mampu berdaya saing kadar cukai pendapatan dengan kebanyakan negara-negara rantau ini. Beliau menegaskan Malaysia perlu merangka satu pendekatan lebih menyeluruh yang merangkumi kadar cukai pendapatan yang kompetitif serta menarik yang disepadukan dengan insentif-insentif khas untuk industri-industri tertentu yang mahu dimajukan dan digalakkan oleh kerajaan. Selain itu juga, Malaysia patut meneliti strategi pencukaian dan insentif negara serantau kerana setiap negara ini bersaing hebat untuk menarik pelaburan asing. Ini termasuk negara-negara seperti Singapura, Thailand, Filipina dan Indonesia. Justeru itu, pemantauan serta pemahaman yang tepat dan jelas terhadap kehendak pemain-pemain global serta tempatan perlu dikaji dan dikenal pasti bagi memastikan Malaysia dapat berdaya saing dengan negara-negara serantau untuk menarik minat pelabur-pelabur asing. Interaksi terus pada aras akar umbi perlu dilakukan dengan segera untuk memastikan Malaysia dapat menawarkan kadar pencukaian serta insentif-insentif yang berinovasi bagi membolehkan kita terus kompetitif serta mampu berdaya saing di persada dunia.

2.4 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, perbelanjaan awam dan hasil cukai merupakan salah satu komponen utama dalam pertumbuhan ekonomi. Ianya telah memberi sumbangan yang pesat dalam peningkatan momentum pertumbuhan ekonomi bagi sesebuah negara. Perbelanjaan awam yang terdiri daripada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan perlu dikurangkan bagi mengimbangi imbalan pembayaran di mana hasil kutipan perlulah melebihi perbelanjaan. Apabila imbalan pembayaran dapat memberi peningkatan yang positif dalam pertumbuhan negara, maka ini dapat membantu meningkatkan ekonomi negara seiring dengan negara-negara maju serta dapat mencapai Wawasan 2020. Ini selaras dengan dasar kerajaan setelah berlakunya kemelesetan ekonomi yang melanda negara pada tahun 1997.

BAB 3

DATA, TEORI DAN SPESIFIKASI MODEL KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Hubungan di antara hasil kerajaan dan perbelanjaan kerajaan adalah penting dalam ekonomi awam di sesebuah negara (Paresh Kumar Narayan, 2005). Beliau telah menjalankan kajian di 9 buah negara Kesatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dengan menggunakan ujian-F untuk mengkaji penyebab-Granger. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk melihat dengan lebih terperinci bagaimana perbelanjaan awam dan hasil kutipan cukai cuba untuk mempengaruhi pertumbuhan ekonomi di Malaysia.

3.2 Data Dan Set Model Kajian

Kajian ini telah menggunakan data sekunder yang berbentuk siri masa selama 35 tahun iaitu dari tahun 1970 sehingga tahun 2004. Data utama kajian diperoleh dari Bank Negara Malaysia (BNM), Laporan Tahunan Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia dan juga Kementerian Kewangan Malaysia. Pertumbuhan ekonomi negara telah dipengaruhi oleh dua faktor utama iaitu perbelanjaan awam dan hasil kutipan cukai yang memberi kesan sepenuhnya terhadap KDNK. Perisian E-View digunakan secara menyeluruh untuk membuat penganggaran bagi model prestasi KDNK. Berdasarkan faktor-faktor utama tersebut, maka model asas dapat dibentuk bagi menerangkan prestasi KDNK adalah seperti berikut;

$$KDNK_t = \alpha_0 + \alpha_1 Taxrevenue_t + \alpha_2 Govspend_t + \varepsilon_t \quad \dots\dots\dots(1)$$

$$\ln KDNK_t = \alpha_0 + \alpha_1 \ln Taxrevenue_t + \alpha_2 \ln Govspend_t + \varepsilon_t \quad \dots\dots\dots(2)$$

di mana;

KDNK = Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

Taxrevenue = Hasil kutipan cukai

Govspend = Perbelanjaan kerajaan

t = Siri masa

ε = Sebutan ralat

3.3 Teori Dan Spesifikasi Model Kajian

Secara khususnya, model kajian akan dispesifikasikan dengan lebih terperinci. Terdapat dua bentuk pengujian iaitu ujian berdasarkan analisis korelasi dan juga integrasi.

3.3.1 Korelasi

Korelasi dan regresi mempunyai kaitan dari segi fungsinya tetapi berbeza dari segi konsepnya. Fungsi utama korelasi adalah untuk mengukur darjah atau kekuatan hubungan antara dua pemboleh ubah. Pekali korelasi mengukur kekuatan hubungan linear antara dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar.

Masalah Kolinearan Boleh Bilang sering timbul apabila menggunakan data siri masa yang wujud antara pemboleh ubah tidak bersandar. Ini bermakna tidak terdapat perhubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar pertama, kedua dan seterusnya. Dalam kajian ini, masalah ini timbul apabila tiada hubungan antara perbelanjaan kerajaan dengan hasil kutipan cukai. Sifat penganggar Kuasa Dua Terkecil atau ringkasnya *OLS* bergantung kepada pemboleh ubah tidak bersandar serta pemboleh ubah rawak apabila pemboleh ubah tidak bersandar di dalam persamaan regresi adalah berstokastik.

Secara kesimpulannya, apabila terdapat korelasi antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah rawak, maka Penganggar Kuasa Dua Terkecil (OLS) adalah pincang. Arah kepincangannya adalah bergantung kepada bentuk korelasi tersebut.

3.3.2 Integrasi

Kajian ini akan terlebih dahulu melakukan dengan pengujian punca unit, pengujian ko-integrasi serta pengujian penyebab antara pemboleh ubah yang terlibat di dalam menentukan pertumbuhan ekonomi negara. Ujian punca unit dilakukan terlebih dahulu untuk mengesan kepegunan data dan ianya dilakukan sebelum diadaptasikan perhubungan di antara pemboleh ubah yang lain dalam bentuk siri masa.

a) Ujian Punca Unit

Ujian punca unit atau “Ujian Kepegunan” adalah perlu disebabkan data yang digunakan di dalam kajian ini adalah berbentuk siri masa serta ianya merupakan langkah yang terbaik untuk mengenal pasti kepegunan data kajian. Ini bertujuan untuk mengelak daripada mendapat penganggaran regresi yang palsu. Ia bermaksud walaupun penganggaran regresinya adalah kelihatan amat baik, namun penganggaran ini tidak menunjukkan hubungan yang sebenarnya.

Justeru itu, ianya boleh dikesan dengan merujuk kepada nilai paras keyakinan (R^2) dan nilai Durbin-Watson (DW). Data yang dianggarkan merupakan tidak pegun adalah disebabkan oleh nilai R^2 adalah lebih besar daripada nilai DW . Untuk mendapat data yang dianggarkan adalah pegun dengan nilai R^2 lebih kecil daripada nilai DW . Setiap penganggaran yang bakal dilakukan mestilah berada di dalam kepegunan. "Regresi palsu" berkemungkinan terhasil akibat daripada penggunaan pemboleh ubah yang tidak pegun dalam model persamaan regresi atau yang mempunyai kepegunan yang berbeza. Apabila sesuatu pemboleh ubah tidak berada dalam pegun, maka nilai min, varians dan kovarians data siri masa yang dianggarkan adalah tidak malar serta mempunyai sifat '*trend*'.

Kemungkinan pemboleh ubah berada di dalam keadaan pegun dalam bentuk Paras, Pembezaan Pertama ataupun Pembezaan Kedua. Jika pemboleh ubah berada pada kedudukan pegun setelah dibezakan pada peringkat pertama, maka pemboleh ubah tersebut mempunyai integrasi satu atau $I(1)$. Jika pemboleh ubah tersebut dibezakan sebanyak 'n' kali untuk menjadi pegun, maka pemboleh ubah tersebut mempunyai integrasi ke-n atau $I(n)$.

Ujian Augmented Dickey-Fuller (ADF) dan Ujian Phillip-Perron (PP) merupakan dua bentuk ujian yang sering digunakan walaupun terdapat pelbagai ujian dalam mengenalpasti punca unit dalam data siri masa. Ujian ADF mengandaikan bahawa faktor gangguan tidak berkorelasi. Oleh itu, Ujian PP dilihat mempunyai kekuatannya tersendiri kerana ia mengambilkira masalah-

masalah yang berkemungkinan dihadapi dalam faktor gangguan. Dalam kajian ini, kedua-dua ujian digunakan untuk mengukur kepegunan pemboleh ubah dan bentuk persamaan yang menggunakan kaedah ADF adalah berasaskan kepada regresi berikut;

$$\Delta \ln KDNK_t = \alpha_0 + \alpha_1 \ln KDNK_{t-1} + \alpha_2 t + \alpha_3 \sum_{i=1}^n \Delta \ln KDNK_{t-1} + \varepsilon_t \quad \dots\dots(3a)$$

$$\Delta \ln Taxrevenue_t = \alpha_0 + \alpha_1 \ln Taxrevenue_{t-1} + \alpha_2 t + \alpha_3 \sum_{i=1}^n \Delta \ln Taxrevenue_{t-1} + \varepsilon_t \quad \dots\dots(3b)$$

$$\Delta \ln Govspend_t = \alpha_0 + \alpha_1 \ln Govspend_{t-1} + \alpha_2 t + \alpha_3 \sum_{i=1}^n \Delta \ln Govspend_{t-1} + \varepsilon_t \quad \dots\dots(3c)$$

Berdasarkan kepada persamaan (3a) hingga (3c), $\Delta KDNK_t$, $\Delta Taxrevenue_t$ dan $\Delta Govspend_t$ adalah merupakan pembezaan pertama untuk siri masa kajian. Manakala simbol t pula mewakili tren masa dan nilai $\Delta KDNK_t$, $\Delta Taxrevenue_t$ dan $\Delta Govspend_t$ telah dilogkan. Sementara ε_t pula merupakan ralat gangguan putih. Hipotesis nol dalam mengambilkira aspek kepegunan adalah $\alpha = 0$, yang bermaksud wujud ketidakpegunan data siri masa manakala hipotesis alternatif adalah $\alpha \neq 0$, yang bermaksud wujud kepegunan data siri masa. Untuk menguji hipotesis ini, nilai statistik- t atau τ (tau) untuk koefisien α_2 akan dibandingkan dengan nilai kritikal yang dihitung oleh MacKinnon menerusi simulasi Monte Carlo.

Ujian PP pula mengambilkira masalah-masalah yang mungkin dihadapi dalam faktor gangguan tersebut. Justeru itu, Ujian PP dilihat lebih baik berbanding Ujian ADF yang mengandaikan bahawa faktor gangguan tidak berkorelasi. Ujian PP bermula dengan menganggarkan persamaan-persamaan berikut;

$$\Delta X_t = \mu_1 + \alpha_1 X_{t-1} + \varepsilon_t \quad \dots(4a)$$

$$\Delta X_t = \mu_1 + \alpha_1 X_{t-1} + \alpha_2 \psi + \varepsilon_t \quad \dots(4b)$$

Di mana, ΔX_t merupakan pembezaan pertama siri X_t dan ψ merupakan trend masa. Dalam persamaan (4a) di atas, bagi X_t menjadi pegun dan nilai statistik- t dan $Z(\tau_{\alpha,\mu})$ harus bernilai negatif pada paras signifikan yang berbeza daripada nilai sifar. Bagi persamaan (4b), bagi X_t menjadi pegun, nilai statistik- t dan $Z(\tau_{\alpha,\mu})$ mestilah bernilai negatif serta paras signifikan yang berbeza daripada nilai sifar. Ini membuktikan bahawa Ujian PP adalah hasil pengubahsuaian Ujian ADF yang mengambilkira kekangan dalam faktor gangguan.

b) Ujian Ko-integrasi

Ujian Ko-integrasi adalah salah satu pendekatan ekonometrik yang digunakan untuk melihat hubungan jangka panjang antara pemboleh ubah bersandar dan juga pemboleh ubah tidak bersandar. Ko-integrasi merujuk kepada kombinasi linear bagi pemboleh ubah yang tidak pegun. Pengukuran ko-integrasi di dalam kajian

ini melibatkan dua bentuk ujian iaitu Ujian Nilai Maksimum-Eigen dan Ujian Jejak. Ujian Nilai Maksimum-Eigen merupakan Ujian Likelihood Ratio (LR) yang berdasarkan kepada bilangan pemboleh ubah yang berkointegrasi antara satu sama lain. Ujian Jejak pula berdasarkan Kriteria Schwarz Bayesian (SBC) dalam menentukan bilangan lat dalam penganggaran model kajian.

c) Ujian Sebab-Akibat Granger

Seterusnya, Ujian Sebab-Akibat Granger atau Granger-Causality menjadi antara pengukur utama kajian ini. Hal ini kerana, kajian ini telah menggunakan data berbentuk siri masa. Jika tidak wujud hubungan ko-integrasi di dalam Ujian Ko-integrasi, maka Ujian Sebab-Akibat Granger perlu dilakukan. Dalam melihat hubungan sebab-akibat, pemboleh ubah bersandar iaitu *KDNK* diandaikan X_t , manakala pemboleh ubah tidak bersandar iaitu *Taxrevenue* dan *Govspend* pula diandaikan Y_t . Pemboleh ubah X_t dikatakan Penyebab Granger terhadap Y_t , jikalau lat yang dimasukkan $(X_{t-1}, X_{t-2}, \dots, X_{t-n})$ akan meningkatkan jangkaan bagi Y_t . Keadaan sama juga, apabila pemboleh ubah Y_t dikatakan Penyebab Granger apabila lat yang dimasukkan $(Y_{t-1}, Y_{t-2}, \dots, Y_{t-n})$ menyebabkan jangkaan bagi X_t mempunyai nilai ralat *mean* kuasa dua yang kecil. Keadaan ini dapat dipaparkan menggunakan persamaan berikut;

$$\ln X_t = \delta + \sum_{i=1}^a \alpha_i \ln KDNK_{t-i} + \sum_{j=1}^b \alpha_j \ln Y_{t-j} + \mu_t \quad \dots\dots(5a)$$

$$\ln Y_t = \rho + \sum_{l=1}^m \gamma_l \ln Y_{t-l} + \sum_{j=1}^n \lambda_j \ln KDNK_{t-j} + \tau_t \quad \dots\dots(5b)$$

Di mana, δ dan ρ merupakan pemboleh ubah konstan dalam persamaan (5a) dan (5b). Sementara pekali penganggaran dalam persamaan di atas diwakili oleh α_i , α_j , γ_i dan λ_j . Manakala μ_i dan τ_i pula mewakili sebutan ralat yang tidak berkorelasi dengan nilai *mean* sifar serta tahap kovarians yang terbatas. Kedua-dua persamaan di atas dianggarkan menggunakan Kaedah Kuasa Dua Terkecil (OLS) dengan menggunakan hipotesis berikut;

Hipotesis persamaan (5a):

$$H_0 : \alpha_1 = \alpha_2 = 0$$

$$H_1 : \alpha_1 = \alpha_2 \neq 0 \quad \dots(5c)$$

Hipotesis persamaan 5(b):

$$H_0 : \lambda_1 = \lambda_2 = 0$$

$$H_1 : \lambda_1 = \lambda_2 \neq 0 \quad \dots(5d)$$

Jikalau hipotesis nol (H_0) diterima berasaskan statistik-F, maka ini bermakna $\ln X_t$ bukan menjadi Penyebab Granger bagi $\ln Y_t$, yang diwakili oleh pemboleh ubah bebas kajian. Sebaliknya, jika (H_0) ditolak bagi kedua-dua persamaan oleh statistik-F, maka akan wujud hubungan sehala Penyebab-Granger diantara $\ln X_t$ dan $\ln Y_t$. Hubungan songsang hanya akan wujud, jikalau berlaku Sebab-Akibat berbentuk 2 hala, iaitu, $\ln X_t$ memberi implikasi terhadap $\ln Y_t$ dan pada masa yang sama $\ln Y_t$ memberi kesan terhadap $\ln X_t$.

3.4 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, data, teori dan spesifikasi model kajian merupakan kaedah untuk mengenal pasti pengujian-pengujian yang akan digunakan bagi membolehkan pemboleh ubah kajian menjadi ukuran dalam menentukan pertumbuhan ekonomi negara. Ini membolehkan penganggaran sesuatu model dapat dijalankan apabila sesuatu teori diperolehi.

BAB 4

HASIL KEPUTUSAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Pertumbuhan ekonomi di sesebuah negara lazimnya dipimpin oleh perbelanjaan kerajaan dan hasil kutipan cukai yang dikenakan ke atas negara tersebut. Malaysia juga mengamalkan kaedah tersebut sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi negara untuk bergerak seiring dengan negara-negara maju yang lain. Oleh yang demikian, untuk menilai kedudukan sebenar pengaruh perbelanjaan kerajaan dan hasil kutipan cukai ke atas pertumbuhan ekonomi negara Malaysia maka, kajian ini telah mengaplikasikan beberapa ujian khusus untuk memberikan kesahihan kedudukan sebenar pengaruh perbelanjaan kerajaan dan hasil kutipan cukai sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi negara. Ujian khusus yang digunakan

di dalam kajian ini seperti Ujian Kepegunan, Ujian Penyebab Granger dan Ujian Ko-Integrasi.

4.2 Analisis Keputusan Regresi Linear

KDNK merupakan pemboleh ubah bersandar yang mengaitkan dengan pemboleh ubah yang tidak bersandar iaitu perbelanjaan kerajaan dan hasil kutipan cukai. Hasil penganggaran persamaan regresi yang diterbitkan melalui output E-Views boleh ditulis seperti berikut:

$$\ln(KDNK) = 1.84 + 1.1\ln(Taxrevenue) - 0.13\ln(Govspend)$$

<i>Sisihan</i>	: (0.26)	(0.16)	(0.18)
<i>Piawai</i>			

<i>Statistik - t</i>	:(7.18)*	(6.68)*	(-0.73)
----------------------	----------	---------	---------

$R^2 = 0.99$	$\overline{R}^2 = 0.99$	$D.W = 0.65$
--------------	-------------------------	--------------

Hasil keputusan regresi linear menunjukkan nilai pekali penentu regresi (R^2) adalah bersamaan dengan 0.99 iaitu sebanyak 99 peratus daripada perubahan yang berlaku dalam KDNK dapat diterangkan oleh pemboleh ubah tidak bersandar manakala 1 peratus pula dipengaruhi oleh faktor-faktor yang lain. Nilai koefisien bagi hasil kutipan cukai adalah positif iaitu 1.1 manakala bagi perbelanjaan kerajaan adalah negatif iaitu 0.13.

Jadual 4.1 Jadual Plot Residual

Tabun	Actual	Fitted	Residual	Residual Plot
1970	9.37831	9.32456	0.05375	. . . *
1971	9.46924	9.30817	0.16107	. . . *
1972	9.56240	9.48693	0.07547	. . . *
1973	9.83751	9.64860	0.18891	. . . *
1974	10.0371	9.98191	0.05515	. . . *
1975	10.0138	10.0371	-0.02331	. . . *
1976	10.2430	10.2248	0.01817	. . . *
1977	10.3841	10.4435	-0.05942	. . . *
1978	10.5423	10.5759	-0.03358	. . . *
1979	10.7456	10.7537	-0.00809	. . . *
1980	10.8838	11.0130	-0.12914	. . . *
1981	10.9615	11.1067	-0.14516	. . . *
1982	11.0442	11.1545	-0.11029	. . . *
1983	11.1500	11.2816	-0.13162	. . . *
1984	11.2841	11.4033	-0.11919	. . . *
1985	11.2586	11.4196	-0.16092	. . . *
1986	11.1788	11.3249	-0.14615	. . . *
1987	11.3033	11.2584	0.04486	. . . *
1988	11.4336	11.4602	-0.02667	. . . *
1989	11.5638	11.5944	-0.03053	. . . *
1990	11.6876	11.7447	-0.05711	. . . *
1991	11.8139	11.8935	-0.07957	. . . *
1992	11.9229	12.0363	-0.11336	. . . *
1993	12.0564	12.1006	-0.04422	. . . *
1994	12.1831	12.2757	-0.09258	. . . *
1995	12.3126	12.2970	0.01555	. . . *
1996	12.4440	12.4253	0.01877	. . . *
1997	12.5489	12.5529	-0.00401	. . . *
1998	12.5541	12.3863	0.16781	. . . *
1999	12.6141	12.4104	0.20368	. . . *
2000	12.7444	12.4424	0.30194	. . . *
2001	12.7198	12.6974	0.02242	. . . *
2002	12.7957	12.7431	0.05254	. . . *
2003	12.8790	12.8445	0.03451	. . . *
2004	13.0161	12.9158	0.10031	. . . *

Jadual 4.1 menunjukkan kedudukan plot residual bagi keseluruhan pemboleh ubah kajian ini. Secara kasarnya, didapati aliran plot residual menggambarkan aliran yang tidak begitu konstan tetapi berada pada tahap yang stabil. Ini adalah disebabkan oleh pengaruh ketidakpegunan data kajian dan ianya dikaitkan dengan penggunaan data berbentuk siri masa yang menunjukkan aspek *trend* yang tidak menentu. Walaupun nilai Durbin-Watson melebihi paras pekali penentu regresi (R^2), namun ini belum tentu memberi petanda bahawa data kajian berada dalam keadaan pegun. Oleh itu, langkah yang sesuai bagi mengesan kepegunan data dengan menggunakan Ujian ADF dan Ujian PP.

4.3 Ujian Korelasi

Kaedah yang paling sesuai untuk dijalankan bagi melihat hubungan arah penyebab antara dua pemboleh ubah yang berlainan adalah ujian korelasi. Bagi kajian yang melibatkan data bersifat siri masa, ujian korelasi diadaptasikan bagi mengesan masalah kolineariti berbilang yang saling mempengaruhi antara satu sama lain. Hipotesis yang dibentuk bagi menilai masalah multi-kolineariti adalah seperti berikut:

$H_0 : \rho = 0$ Tiada korelasi antara pemboleh ubah bebas

$H_1 : \rho \neq 0$ Wujud korelasi antara pemboleh ubah bebas

Jadual 4.2 Keputusan Ujian Korelasi

	KDNK	Taxrevenue	Govspend
KDNK	1.0000	0.9946	0.9867
Taxrevenue	0.9946	1.0000	0.9937
Govspend	0.9867	0.9937	1.0000

Jadual 4.2 menunjukkan hubungan arah penyebab antara pemboleh ubah bebas dapat ditentukan dengan agak mudah. Ianya menerangkan bahawa korelasi bagi kajian ini adalah sangat lengkap dan bagus kerana paras pekali penentu regresi (R^2) adalah lebih besar daripada 0.9 atau 90 peratus. Ujian korelasi yang digunakan hanya merupakan satu pendekatan biasa serta agak mudah bagi melihat perhubungan di antara pertumbuhan ekonomi dengan pemboleh ubah bebas kajian. Namun, keputusan ujian korelasi adalah tidak muktamad. Ini kerana keputusan ujian kepegunan adalah yang tepat dan lazimnya nilai ini menjadi pengukur terbaik untuk melihat perhubungan antara pemboleh ubah kajian.

4.4 Kepegunan Data Kajian

Jadual 4.3 menunjukkan hasil keputusan ujian kepegunan. Sebenarnya pengesanan kepegunan mahupun ketidakpegunan data boleh dilakukan dengan membandingkan nilai R^2 dan nilai Durbin-Watson. Daripada hasil keputusan tersebut, di dapati hanya pemboleh ubah KDNK sahaja berada di dalam keadaan pegun iaitu positif pada kedua-dua ujian iaitu Ujian ADF dan Ujian PP daripada tahap asal sehinggalah kepada pembezaan kedua. Dengan adanya kepegunan, maka secara tidak langsung penganggaran seterusnya dilakukan dengan lebih

konsisten dan seterusnya diaplikasikan kepada ujian Ko-Integrasi dan ujian Sebab-Akibat Granger.

Jadual 4.3 Keputusan Ujian Punca Unit

Peringkat Perbezaan	Model Dengan Trend	
	Ujian ADF	Ujian PP
Tahap		
KDNK	-5.041915*	-5.332994*
Taxrevenue	-2.619972	-8.906847
Govspend	-4.501252*	-5.796337*
Pembezaan Pertama		
KDNK	-2.608194	-2.417746
Taxrevenue	-4.779519*	-4.764505*
Govspend	-2.788715***	-2.750296***
Pembezaan Kedua		
KDNK	-4.652593*	-10.28862*
Taxrevenue	-9.938173	-23.72403*
Govspend	-5.720282*	-10.74907*

Nota: Panjang Lat (Lag) optimum dipilih berdasarkan Schwarz Info Criterion (SIC).

Nilai Kritikal MacKinnon bagi Ujian ADF ialah -3.6394, -2.9511 dan -2.6143, masing-masing pada paras keyakinan 1, 5 dan 10 peratus.

Nilai Kritikal MacKinnon bagi Ujian PP ialah -3.6394, -2.9511 dan -2.6143, masing-masing pada paras keyakinan 1, 5 dan 10 peratus.

*, ** dan *** adalah signifikan pada paras keyakinan 1,5, dan 10 peratus

4.5 Ujian Ko-Integrasi

Dengan menggabungkan keputusan Ujian ADF dan PP, maka Ujian Ko-Integrasi dapat dilakukan. Hasil keputusan Ujian Nilai Jejak dan Ujian Nilai Maksimum-Eigen dipaparkan melalui Jadual 4.4 dan Jadual 4.5. Daripada hasil keputusan tersebut, di dapati tiada hubungan atau signifikan pada paras 5 peratus, justeru itu kajian ini harus dilanjutkan kepada Ujian Sebab-Akibat Granger. Kajian ini menunjukkan tiada hubungan ko-integrasi tetapi mempunyai hubungan dan ianya lebih tertumpu kepada hubungan 2 hala.

Jadual 4.4 Keputusan Ujian Jejak

Hipotesis	Nilai Eigen (λ)	Nilai Statistik Jejak	Nilai Kritikal 5%	Nilai Kebarangkalian
$r=0$	0.3382	24.3169	29.7971	0.1874
$r \leq 1$	0.2162	10.6942	15.4947	0.2310
$r \leq 2$	0.0773	2.6545	3.8415	0.1033

Jadual 4.5 Keputusan Ujian Nilai Maksimum-Eigen

Hipotesis	Nilai Eigen (λ)	Nilai Statistik Maksimum-Eigen	Nilai Kritikal 5%	Nilai Kebarangkalian
$r=0$	0.3382	13.6228	21.1316	0.3967
$r \leq 1$	0.2162	8.0396	14.2646	0.3747
$r \leq 2$	0.0773	2.6545	3.8415	0.1033

4.6 Ujian Sebab-Akibat Granger

Ujian Sebab-Akibat atau lebih dikenali sebagai Ujian Penyebab Granger dijalankan untuk menguji aliran penyebab dari pertumbuhan ekonomi iaitu KDNK terhadap setiap pemboleh ubah bebas kajian dan sebaliknya. Ujian ini dijalankan kerana kajian ini tidak wujud hubungan ko-integrasi apabila menjalankan Ujian Ko-Integrasi. Hasil keputusan bagi Ujian Penyebab Granger ini ditunjukkan dalam Jadual 4.6. Paras keyakinan adalah berasaskan nilai statistik-F, iaitu $F_{\alpha}(n-k, k-1)$ iaitu bersamaan $F_{0.05}(30,2)$. Nilai statistik-F jadual pada paras keyakinan 5 peratus bersamaan 3.32.

Berdasarkan keputusan tersebut, terbukti wujudnya hubungan bersifat satu hala, iaitu perbelanjaan kerajaan dan hasil kutipan cukai merupakan Penyebab-Granger kepada pertumbuhan KDNK Malaysia. Ini bermaksud, pertambahan pungutan hasil cukai dan pengurangan perbelanjaan kerajaan akan menyumbang kepada KDNK melalui analisis Sebab-Akibat Granger. Keadaan ini didorong kuat khususnya selepas berlakunya kemelesetan ekonomi pada tahun 1997 dan kerajaan telah menjalankan usaha konsolidasi untuk memulihkan pertumbuhan ekonomi negara. Ini jelas menunjukkan bahawa usaha konsolidasi ini telah memberi hasil yang positif kepada ekonomi negara.

Jadual 4.6 Keputusan Ujian Sebab-Akibat Granger

Hipotesis	Statistik-F	Nilai-p	Keputusan
Taxrevenue bukan penyebab terhadap KDNK	0.09153	0.91281	Diterima
KDNK bukan penyebab terhadap Taxrevenue	10.5084*	0.00039	Ditolak
Govspend bukan penyebab terhadap KDNK	0.35539	0.70402	Diterima
KDNK bukan penyebab terhadap Govspend	8.13915*	0.00164	Ditolak
Govspend bukan penyebab terhadap Taxrevenue	0.19097	0.82722	Diterima
Taxrevenue bukan penyebab terhadap Govspend	1.71297	0.19869	Diterima

Nota: Tempoh lat optimum yang digunakan bersamaan lat-2

* adalah signifikan pada paras keyakinan 5 peratus

4.7 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, keputusan penganggaran menggunakan model utama serta terjemahan model dalam bentuk ekonometrik telah banyak memberi implikasi terhadap pembentukan implikasi dasar kajian. Ujian-ujian yang dilakukan mempunyai fungsi dan kekuatannya tersendiri. Hasil keputusan kajian ini secara tidak langsung telah mengupas segala objektif serta persoalan yang dikemukakan di awal kajian.

BAB 5

IMPLIKASI DASAR DAN RUMUSAN KAJIAN

5.1 Pendahuluan

Perbelanjaan kerajaan dan hasil cukai merupakan pemangkin utama pertumbuhan ekonomi negara. Ianya memberi implikasi yang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara jika perbelanjaan kerajaan dan hasil cukai tidak dikawal dengan sebaiknya. Kajian ini dilakukan untuk membuktikan kesahihan dengan menjalankan analisis ko-integrasi ke atas perbelanjaan kerajaan dan hasil cukai ke atas KDNK negara. KDNK bagi sesebuah negara merupakan aspek penting bagi menguruskan perjalanan ekonomi negara agar ianya dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. KDNK merupakan nilai barang dan perkhidmatan

dalam sesebuah negara yang dikeluarkan oleh faktor-faktor pengeluaran milik warganegara negara tersebut dan negara asing.

5.2 Rumusan Hasil Kajian

Perbelanjaan kerajaan dan hasil kutipan cukai merupakan petunjuk utama kepada penentu KDNK bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Hal ini kerana KDNK merupakan salah satu aspek penting dalam menentukan pertumbuhan ekonomi bagi sesebuah negara. Ini dapat dilihat melalui krisis kewangan yang berlaku pada tahun 1997 di mana pertumbuhan ekonomi negara pada waktu itu berada pada tahap yang berbahaya. Justeru itu, kerajaan telah mengambil langkah yang sewajarnya iaitu menjalankan usaha konsolidasi fiskal bagi memulihkan semula pertumbuhan ekonomi negara. Hasil keputusannya dapat dilihat selepas tahun 1998 di mana pertumbuhan ekonomi negara telah mengalami peningkatan dari setahun ke setahun sejajar dengan usaha kerajaan.

Hasil keputusan yang di dapati di dalam kajian ini menguatkan lagi kesahihan iaitu pertumbuhan ekonomi negara bergantung sepenuhnya terhadap perbelanjaan kerajaan dan hasil kutipan cukai. Oleh itu, kerajaan telah menjalankan beberapa dasar untuk mengukuhkan lagi ekonomi negara. Dasar fiskal yang telah dijalankan oleh kerajaan telah berjaya mengurangkan defisit Kerajaan Persekutuan secara beransur-ansur dan progresif tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Selain itu, peningkatan semula pelaburan swasta sebagai enjin pertumbuhan ekonomi, telah membolehkan langkah konsolidasi

